

## Peruntukan RM150 juta kepada usahawan terkesan banjir

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI

17 April 2022, 2:18 pm



NOH Omar (kanan) mengiringi Ismail Sabri Yaakob (kiri) pada Majlis Pelancaran Pasaraya MG Coopmart dan Jualan Harga Murah Semarak Ramadan Keluarga Malaysia serta Penyampaian Bantuan Banjir Keluarga Malaysia di Pasaraya MG Coopmart Cawangan Bera di Bera, Pahang. - UTUSAN/NORHAFIZAN ZULKIFLI

**BERA:** Kerajaan memperuntukkan RM150 juta bagi usahawan mikro dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang terkesan akibat banjir yang melanda negara pada Disember tahun lalu.

Menyanyum, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar berkata, peruntukan dibahagikan kepada dua iaitu pertama kepada usawan IKS dengan peruntukan RM100 juta manakala kedua kepada kumpulan usahawan mikro dan juga kumpulan informal sebanyak RM50 juta.

"Bagi usahawan IKS mereka boleh memohon pinjaman sehingga RM100,000 menerusi SME Corporation Malaysia (SME Corp.) manakala usahawan mikro mereka boleh memohon menerusi Tekun atau Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)," kata beliau pada Majlis Pelancaran Pasaraya MG Coopmart-KopBera dan Jualan Harga Murah Semarak Ramadan Keluarga Malaysia serta Penyampaian Bantuan Banjir Keluarga Malaysia di MG Coopmart Cawangan Bera di sini hari ini.

Majlis itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Selain itu, menurut beliau, setiap usahawan yang terkesan dengan banjir turut diberi geran RM3,000 seperti yang ditawarkan kepada usahawan di Bera pada hari ini.

Noh memberitahu, sejak pengumuman tersebut, Tekun telah menerima sebanyak 13,000 permohonan dengan Pahang sahaja seramai 5,218 permohonan diluluskan membabitkan peruntukan RM15 juta.

"Di Bera sahaja, sebanyak 234 usahawan terlibat banjir menerima geran bernilai RM3,000 terbabit melibatkan jumlah RM702,000," katanya

. Menyentuh mengenai Coopmart, Noh berkata, koperasi itu dilihat dapat menjadi tempat bergantung, sekiranya pengguna ingin memiliki harga barang yang murah.- UTUSAN